



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

### WABAK COVID-19

Menyambut saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), saya memohon kepada peserta yang menghadiri Ijtimak Tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur bermula 28 Februari hingga 1 Mac 2020, segera menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah untuk membendung penularan jangkitan COVID-19. Sila hubungi CPRC Hotline atau Pejabat Kesihatan Daerah.

Sekiranya keadaan wabak COVID-19 masih terkawal (menurut KKM), solat Jumaat hendaklah diteruskan dengan beberapa syarat seperti:

1. Khutbah dipendekkan
2. Orang ramai berwuduk di rumah lagi
3. Mereka yang ada simptom COVID-19, tidak perlu hadir solat Jumaat kerana termasuk dalam golongan orang yang sakit.
4. Pihak masjid atau jemaah juga wajib menyediakan *hand sanitizer* dan penutup mulut sebagai langkah pencegahan dan keselamatan.

Sekiranya keadaan wabak COVID-19 merebak tanpa terkawal (menurut KKM):

1. Solat Jumaat boleh untuk tidak dilakukan, tetapi wajib diganti dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
2. Dalam hal ini, terdapat beberapa garis panduan:
  - a. Larangan tersebut perlu dikeluarkan oleh pemerintah yang berautoriti seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
  - b. Larangan tersebut adalah termasuk juga sebarang bentuk acara dan perhimpunan sama ada rasmi atau tidak.
  - c. Wabak sudah menunjukkan kesannya dan ramai individu yang telah disahkan positif COVID-19 di tempat tersebut
  - d. Pihak yang bertanggungjawab seperti KKM telah menjalankan pemeriksaan yang rapi jemaah yang menghadiri masjid ataupun surau tersebut dalam tempoh jangkaan penularan wabak.

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**